

UniSZA hebat



Pemain MMU, Ahmad Faiz **dikepung empat pemain UniSZA** dalam saingan di Stadium MMU, Cyberjaya, Sabtu lalu. Tuan rumah tewas 3-0.

Kuala Lumpur: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus memperaga kelibat ‘bakal juara’ apabila menang selesa ke atas Universiti Multimedia (MMU) 3-0 dalam saingan bola sepak Divisyen Satu Liga Institusi Pengajian Tinggi di Cyberjaya, Sabtu lalu.

Kemenangan ini membolehkan pasukan dari Kuala Terengganu itu menduduki tangga teratas mengatasi penyandang juara, UiTM Perlis yang tewas kepada pelawat, Kolej Komuniti Pahang (KK Pahang) 3-2. Minggu sebelumnya, UiTM Perlis tewas kepada UniSZA 2-0.

“Saya simpati dengan nasib MMU yang terpaksa mengharungi perlawanan dengan semua muka baru,” kata penolong pengurus

INFO
Keputusan Liga IPT

① DIVISYEN 1	② DIVISYEN 2	③ DIVISYEN 3	④ DIVISYEN 4
① UiTM Perlis 2 KK Pahang 3	② MMU 0 UniSZA 3	③ UPM 2 UPSI 3	④ USM 2 UM 0
② UJAM 3 UPM 0	③ KK Perak 3 KK Pinang 5	④ Shah Alam Sabtu lalu terpaksa ditunda ke satu tarikh lain.	

UniSZA, Fazlallah Mamat. “Bagaimanapun, Alhamdulillah pemain beraksi sebagaimana dirancang dan mengambil peluang di atas ‘kelemahan’ lawan sekalipun bermain di gelanggang mereka.” Sementara itu, KK Pahang menduduki tangga kedua sekali gus memolak pasukan elit, termasuk juara hatrik, UiTM Shah Alam di tempat ketiga dan UiTM Perlis keempat.

Politeknik Kota Bharu (PKB) terus cetus tanda tanya kerana belum turun beraksi selepas tiga minggu. Dua perlawanan awal membabitkan pasukan dari Kelantan menentang MMU dua minggu lalu dan berdepan UiTM Shah Alam Sabtu lalu terpaksa ditunda ke satu tarikh lain. Pemain MMU, Ahmad Faiz dikepung empat pemain UniSZA dalam saingan di Stadium MMU, Cyberjaya, Sabtu lalu. Tuan rumah tewas 3-0.